

# Akur, ikuti segala peraturan

Oleh SADDAM EDRIS

UB 2.9.2016 A5

KOTA KINABALU: Siswa-siswi baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) dikehendaki akur dan mematuhi segala peraturan, akta, perlembagaan dan tatatertib selama bergelar sebagai pelajar sepetimana yang termaktub dalam lafaz ikrar pelajar di universiti berkenaan.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata ia bukanlah bertujuan menyekat kebebasan, tetapi untuk membentuk pelajar supaya berdisiplin dan tidak mendatangkan masalah terhadap mana-mana pihak.

## ►Peringatan kepada siswa-siswi baharu UMS



SISWA baharu UMS ketika melafazkan ikrar pelajar baharu sesi 2016/2017, kelmarin.



PELAJAR yang mewakili setiap fakulti melafazkan ikrar pada majlis berkenaan.

“Elakkan diri daripada mengikuti sebarang bentuk aktiviti yang mengancam keselamatan dan keharmonian masyarakat dan negara... jangan mudah terpengaruh atau mengikut anasir luar yang belum tentu agendanya.

“Apabila sibuk menyertai kegiatan sebegini, maka pelajaran pun akan terabai kerana fokus sudah menyimpang, sementara jiwa pulak sentiasa memberontak dan pihak universiti tidak akan berkompromi berkaitan hal ini,” katanya ketika berucap pada Majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baharu UMS sesi 2016/2017, di sini, kelmarin.

Harun berkata pelajar perlu mencapai kecemerlangan kesarjanaan akademik dengan berfikir secara kritis dalam

menuntut ilmu.

Katanya para pensyarah hanya membimbang menerusi kuliah yang disampaikan, tetapi pelajar haruslah berusaha mencari sebanyak mungkin ilmu yang diberikan.

Beliau juga menggesa mereka untuk menjadi warga berdisiplin dan mengutamakan kualiti dalam pelaksanaan aktiviti bagi meningkatkan



MUSA menyampaikan ucapan pada Majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baharu UMS sesi 2016/2017.

martabat dan prestij UMS.

Katanya usaha itu termasuklah menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik selain memamerkan bakat dan kebolehan dalam bidang sukan, seni dan budaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

“Sebagai bakal pelapis pemimpin negara, anda

sepertinya sudah bergiat aktif dari peringkat universiti lagi dan apabila keluar dari universiti nanti dapat menyumbang semula untuk masyarakat dan negara.

“Jangan tanyakan apa yang negara dapat berikan kepada kamu, tetapi tanyalah diri apa yang dapat kita sumbangkan untuk tanah air tercinta ini,” katanya.